



31 Januari 2012  
31 January 2012  
P.U. (A) 34

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH KAWALAN PERTUKARAN WANG (IMPORT DAN EKSPORT) (AM) 2012

*EXCHANGE CONTROL (IMPORT AND EXPORT) (GENERAL)  
ORDER 2012*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA KAWALAN PERTUKARAN WANG 1953

PERINTAH KAWALAN PERTUKARAN WANG (IMPORT DAN EKSPORT)  
(AM) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 24(1) dan 25(1) dan seksyen 34 Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 [*Akta 17*], Pengawal Pertukaran Wang Asing membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kawalan Pertukaran Wang (Import dan Eksport) (Am) 2012**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 31 Januari 2012.

**Tafsiran**

2. Dalam Perintah ini—

“Akta” ertinya Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953;

“wang kertas ringgit” ertinya wang kertas ringgit yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia di bawah seksyen 20 Akta Bank Negara Malaysia 1958 [*Akta 519*] yang telah pun menjadi wang sah laku di Malaysia.

**Pemakaian**

3. Perenggan 24(1)(a) Akta hendaklah terpakai bagi wang kertas ringgit.

**Pengecualian**

4. Seseorang adalah dikecualikan daripada larangan yang dikenakan—

(a) di bawah subseksyen 24(1) Akta bagi pengimportan—

(i) wang kertas ringgit yang tidak melebihi jumlah agregat bersamaan dengan sepuluh ribu Dolar Amerika Syarikat oleh mana-mana

pengembara ke Malaysia, pada dirinya atau dalam bagasinya atau selainnya dalam milikannya dalam mana-mana kapal, pesawat atau kenderaan dari suatu tempat di luar Malaysia;

- (ii) apa-apa Bil Perpendaharaan; dan
  - (iii) apa-apa sijil hak milik bagi apa-apa sekuriti; dan
- (b) di bawah subseksyen 25(1) Akta bagi pengeksportan—
- (i) wang kertas ringgit yang tidak melebihi jumlah agregat bersamaan dengan sepuluh ribu Dolar Amerika Syarikat oleh mana-mana pengembara apabila meninggalkan Malaysia, pada dirinya atau dalam bagasinya atau selainnya dalam milikannya dalam mana-mana kapal, pesawat atau kenderaan ke mana-mana destinasi di luar Malaysia;
  - (ii) apa-apa wang kertas asing;
  - (iii) apa-apa wang pos;
  - (iv) apa-apa Bil Perpendaharaan;
  - (v) apa-apa sijil hak milik bagi apa-apa sekuriti dan kupon;
  - (vi) apa-apa polisi insurans;
  - (vii) apa-apa bil pertukaran atau nota janji hutang yang dinyatakan dalam mata wang asing dan boleh dibayar di mana-mana wilayah di luar Malaysia;
  - (viii) apa-apa dokumen di mana seksyen 7 Akta terpakai dan bukan dikeluarkan oleh seorang peniaga yang diberi kuasa atau menurut